



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

07 MAC 2021 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

07 MAC 2021 (AHAD)

KPDNHEP rampas beg tangan, dompet tiruan RM27,000

Rawang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 200 unit beg tangan dan dompet pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM27,000 dalam serbuan di sebuah premis perniagaan di Bandar Tasik Puteri, Kundang, di sini, kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata serbuan dibuat pada 11 pagi oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP Cawangan Gombak, susulan aduan daripada wakil pemilik cap dagangan dan risikan selama dua minggu.

Beliau berkata, kegiatan itu dilakukan seorang lelaki berusia 36 tahun yang dipercayai mengaut keuntungan sehingga RM 20,000 sebulan, hanya melalui jualan beg tangan dan dompet tiruan menerusi platform laman Facebook secara 'live' selama dua tahun.

"Difahamkan, keuntungan jualan beg tangan dan dompet tiruan itu meningkat sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu.

"Ketika serbuan, kita menemui sejumlah 200 unit beg tangan dan dompet pelbagai jenama Louis Vuitton dan Chanel yang disimpan di sebuah rumah yang di-



Pemeriksaan dilakukan mendapati barangan berkenaan disyaki menggunakan cap dagangan palsu dari jenama terkenal.

Muhamad Zikril Azan Abdullah,
Pengarah KPDNHEP Selangor

jadikan stor simpanan dan pusat jualan dalam talian," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati barangan berkenaan



Anggota KPDNHEP memeriksa beg tangan dan dompet di sebuah premis di Bandar Tasik Puteri, Kundang.

disyaki menggunakan cap dagangan palsu dari jenama terkenal.

Muhamad Zikril Azan berkata, hasil soal siasat terhadap lelaki itu, dia menjual beg tangan dan dompet pada harga sekitar RM200

dan RM50 mengikut gred serta kualiti yang diperolehi dari pembekal di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai

dalam millikan, jagaan atau kawalannya bagi maksud perdagangan atau pengilangan barang-barang yang cap dagangan dipakai dengan salah merujuk kepada cap dagang berdaftar.

Buku log lawatan cegah kes seleweng petrol subsidi

Kaedah bantu penguat kuasa KPDNHEP pantau kenderaan asing isi minyak di sempadan

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Tumpat: Pelaksanaan peti dan buku log lawatan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), khususnya di stesen minyak berhampiran sempadan mampu mencegah ketirisan penyelewengan bahan bakar bersubsidi ke negara jiran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata peti dan buku log itu membolehkan penguat kuasa KPDNHEP memantau kenderaan asing yang masuk untuk mengisi minyak di stesen yang berada di sempadan negara.

Katanya, kaedah 'omnipresence' anggota pihak berkuasa itu mampu memberi impak yang lebih berkesan.

"Pegawai yang membuat pemantauan akan merekod laporan dalam buku log sejurus pemeriksaan atau lawatan selesai.

"Langkah ini memberi mesej yang jelas kepada pelaku kesalahan untuk tidak sewenang-wenangnya melanggar undang-un-



Nanta Linggi pada pelancaran pelaksanaan peti dan buku log lawatan penguat kuasa di Stesen Minyak Petronas Pasir Pekan, Tumpat, semalam. (Foto BERNAMA)

dang," katanya pada sidang media selepas pelaksanaan peti dan buku log lawatan penguat kuasa di stesen minyak Petronas Pasir Pekan, di sini, semalam.

Alexander berkata, harga runcit petrol di negara ini adalah antara yang terendah di ASEAN menyebabkan stesen minyak berhampiran sempadan negara menjadi sasaran pihak tidak bertanggungjawab untuk melakukan penyelewengan petrol serta diesel.

Sehingga November 2020, katanya, terdapat 281 stesen minyak

yang terletak berhampiran sempadan negara dan sentiasa dijalankan pemantauan.

Terdahulu, beliau melancarkan Kempen Norma Baharu COVID-19 Sektor Peruncitan di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu sempena menyahut saranan kerajaan bagi memastikan semua sektor mengambil tanggungjawab dalam usaha pematuhan norma baharu pada tahap tinggi.

Beliau berkata, bagi menyokong pelaksanaan norma baharu itu, KPDNHEP mengajak semua peniaga beralih kepada sistem

pembayaran digital sama ada melalui e-dompet atau kad debit bagi mengurangkan berlaku sentuhan.

"Saya juga meminta agar peniaga dapat mematuhi Perintah 3(1) Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Peruncit) 1993 AKHAP 2011 dengan memaparkan tanda harga ke atas semua produk yang dijual.

"Dengan ini pembeli dapat mengurangkan masa keberadaan di premis perniagaan, sekali gus menurunkan risiko penularan COVID-19," katanya.



ALEXANDER (kanan) melihat paparan skrin pada pam minyak selepas pelancaran pelaksanaan peti dan buku log lawatan penguat kuasa KPDNHEP di Stesen Minyak Petronas di Tumpat, semalam.

Peti, buku log atasi ketirisan minyak

Tumpat: Pelaksanaan peti dan buku log lawatan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), khususnya di stesen minyak dekat sempadan antara langkah membantu menangani ketirisan dan penyelewengan bahan bakar bersubsidi.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya berharap inisiatif itu mampu memberi impak lebih berkesan, sekali gus mesej jelas kepada semua pihak supaya tidak sewenang-wenangnya melanggar undang-undang.

"Pegawai yang membuat pemantauan akan merekod laporan dalam buku log se-jurus lawatan selesai, untuk menunjukkan penguatkua-

saan aktiviti perdagangan sentiasa dibuat," katanya selepas menyempurnakan peti dan buku log lawatan penguat kuasa KPDNHEP di Stesen Minyak Petronas di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Alexander berkata, jualan minyak di stesen perlu dikawal rapi bagi mengelak kenderaan asing masuk ke dalam negara dan mengisi minyak penuh tangki kerana harga minyak di negara jiran yang lebih mahal.

"Selain memantau kehadiran kenderaan asing ini, penguat kuasa KPDNHEP juga boleh memantau aktiviti-aktiviti di stesen minyak," katanya yang memberitahu ada 281 stesen minyak berhampiran sempadan hingga November 2020," katanya.



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP menemui 200 beg tangan dan dompet jenama LV dan Chanel.

Kaut RM20k sebulan jual barang ciplak

Rawang: Mampu kaut untung bersih sehingga RM20,000 sebulan hanya melalui jualan beg tangan dan dompet jenama terkenal tiruan menerusi platform laman Facebook secara *live* selama dua tahun.

Kegiatan itu dilakukan se orang lelaki berusia 36 tahun sebelum ia terbongkar hasil risikan dan serbuan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), kelmarin.

Difahamkan suspek warga tempatan memperoleh keuntungan berlipat kali ganda sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan kerajaan.

Pengarah KPDNHEP Selangor Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP Cawangan Gombak di se-

buah premis perniagaan di Bandar Tasik Puteri, Kundang di sini, jam 11 pagi.

Beliau berkata, serbuan dilakukan susulan aduan wakil pemilik cap dagang dan risikan selama lebih dua minggu.

"Hasil serbuan itu, kami menemui 200 unit beg tangan dan dompet cetak rompak jenama Louis Vuitton (LV) dan Chanel yang turut disimpan di sebuah rumah yang dijadikan stor dan pusat jualan atas talian.

"Nilai rampasan barangan berkenaan dianggarkan lebih RM 27,000," katanya.

Muhamad Zikril Azan berkata, lelaki itu yang disoal siasat memberitahu menjual beg tangan dan dompet tiruan berkenaan pada harga sekitar RM200 hingga RM500 mengikut gred dan kualiti.